

PENDAHULUAN

- Lumrah manusia yang begitu taksub dengan kemewahan harta dunia.
- Masyarakat terpaksa berhutang demi meningkatkan taraf hidup yang lebih selesa.
- Mereka sanggup hidup dengan hutang keliling pinggang.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

- Islam tidak menggalakkan berhutang bagi melebihi keperluan asas kehidupan.
- Islam menyeru umatnya untuk hidup secara bersederhana serta mengutamakan qana'ah.
- Keinginan dan keimanan perlulah seimbang.
- Jiwa orang yang berhutang diselubungi keresahan dan tidak tenteram.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

- **2 kategori pinjaman** iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard*.
- **Al-'ariyah** : Pinjaman melibatkan pemberian sesuatu barang yang tidak musnah dan boleh dikembalikan seperti baju oleh pemberi pinjam kepada peminjam bertujuan memanfaatkan barang tersebut secara percuma.
- **Al-qard** : Pinjaman melibatkan pemindahan pemilikan barangan yang boleh diganti mengikut bilangan.

DEFINISI AL-QARD

- **Bahasa**: *al-qat'u* (potong). Barang yang diberi pinjam kepada penghutang.
- **Istilah**: Penyerahan sesuatu barang daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dengannya dan dikembalikan kepada pemiliknya tanpa sebarang penambahan.

LARANGAN RIBA'

- Peringatan daripada Allah SWT agar bertaqwa kepadanya serta tidak memakan riba sudah jelas berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-baqarah ayat 275: **وَأَنَّ خَلْلَ اللَّهِ التَّبَيُّعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا**
- **"Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengahramkan riba"**

- Satu dirham riba dosanya melebihi tiga puluh enam kali melakukan maksiat zina.

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

- **Al-Qard al-Hasan**: Pinjaman yang baik.
- Keprihatinan seseorang dalam aspek kewangan untuk melakukan *kebajikan* dengan membantunya.
- Peminjaman *tanpa sebarang faedah dikenakan*.

HUKUM AL-QARD AL-HASAN

SUNAT	HARUS	TIDAK HARUS
Memberi pinjam kepada yang memerlukan.	Berhutang untuk membebaskan diri daripada kesempitan hidup.	Mengetahui wang yang dipinjamkan adalah untuk kegunaan maksiat atau kegiatan haram.

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang (Pemberi pinjaman)	3. Barang yang dipinjam
2. Penghutang (Orang yang meminjam)	4. Sighah (Ijab dan Qabul)

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- Membantu golongan yang memerlukan.
- Merapatkan jurang antara golongan kaya dan miskin.
- Memupuk semangat persaudaraan dan saling membantu antara umat islam.

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- | | |
|--|---|
| i. Hutang hendaklah dicatat. | iii. Menyelesaikan hutang yang disyariatkan dalam perwarisan. |
| ii. Bayaran tambahan tidak dibenarkan. | iv. Wajib dipulangkan mengikut tempoh perjanjian. |

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

- **Institusi zakat**: Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi.
- Golongan berkemampuan mengeluarkan zakat bagi *meringankan beban* golongan yang kurang bernasib baik.

GEJALA CETI HARAM

- Ah Long atau perniagaan pinjaman wang tanpa lesen yang sah.
- Bertentangan dengan ajaran islam.
- Ia mengandungi unsur riba'.
- Dikaitkan dengan kekerasan dan keganasan.
- Kerajaan mengambil tindakan berterusan untuk mengawal kegiatan ini daripada berleluasa bersama pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia dan NGO.